



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI
BAGI PELABURAN DALAM
SYARIKAT BERSTATUS BIONEXUS

KETETAPAN UMUM NO. 5/2024**

TARIKH PENERBITAN: 27 DISEMBER 2024



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Ketiga

Edisi kedua pada 4 Oktober 2023

Edisi pertama pada 4 Disember 2018

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pendahuluan	2
5. Kriteria Pelabur	3
6. Insentif Cukai	5
7. Pemberhentian Insentif Cukai	8
8. Ketidakpakaian	9
9. Pembatalan	9
10. Pengemaskinian dan Pindaan	10
11. Penafian	10

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan insentif cukai yang tersedia untuk seseorang yang melabur dalam syarikat berstatus BioNexus (SBB) di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-undang Berkaitan

- 2.1. KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 dan 8.
- 2.3. Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U.(A) 373/2007] yang dibatalkan dan digantikan dengan P.U.(A) 306/2016;
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2016 [P.U.(A) 306/2016] yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran (TT) 2016;
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) (Pindaan) 2022 [P.U.(A) 212/2022] yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021;
 - (d) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 23/2024] yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1. "Pelaburan" ertinya—
 - (a) pelaburan dalam bentuk tunai yang tidak terdapat tanggungan untuk pelaburan itu dibayar balik; atau
 - (b) pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar.

- 3.2. "Pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar" ertinya pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar yang dibayar dalam bentuk tunai berkenaan dengan syer biasa.
- 3.3. "Pemastautin" bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 atau 8 ACP.
- 3.4. "Pendapatan bercukai" berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan bercukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5. "Pendapatan berkanun" berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.6. "Pendapatan larasan" berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.7. "Peringkat permulaan pengkomersialan" ertinya peringkat kajian, penilaian dan pembangunan bagi konsep permulaan atau prototaip sebelum teknologi atau produk dikomersialkan, tetapi tidak termasuk peningkatan kapasiti produk, pembangunan produk atau pemasaran produk.
- 3.8. "Perniagaan baharu" ertinya perniagaan bioteknologi pertama yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus.
- 3.9. "Syarikat berkaitan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
- 3.10. "Syarikat berstatus BioNexus" bermaksud syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] termasuk syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang terlibat dalam perniagaan sains kehidupan seperti biologi, perubatan, antropologi, ekologi atau apa-apa cabang sains yang lain, yang berurusan dengan organisma hidup dan organisasinya, proses kehidupannya dan hubungan antara satu dengan lain, dan alam sekitarnya.

4. Pendahuluan

- 4.1. Bagi mempromosikan industri berasaskan bio dan bioteknologi, Kerajaan telah memperkenalkan insentif cukai untuk pelaburan pada peringkat permulaan pengkomersialan yang dibuat oleh pelabur dalam SBB yang diluluskan. Kedua-dua pelabur dan SBB perlu mematuhi peraturan yang berkaitan dengan insentif cukai ini.

- 4.2. Bagi memenuhi syarat untuk insentif cukai ini, semua calon pelabur dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) untuk memastikan kriteria kelayakan dipenuhi serta diperakui sebagai pelabur yang diluluskan. Sila rujuk laman sesawang Bioeconomy Corporation menerusi www.bioeconomycorporation.my untuk sebarang maklumat lanjut.

5. Kriteria Pelabur

Sebuah syarikat atau individu boleh melabur dalam SBB yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Untuk melayakkan potongan pada amaun yang bersamaan dengan nilai sebenar pelaburan yang dibuat dalam SBB, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

(a) Jika pelabur adalah syarikat—

- (i) syarikat perlu diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 termasuk syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; dan
- (ii) syarikat berkaitannya tidak dibenarkan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2016 [P.U.(A) 306/2016] atau Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U.(A) 373/2007].

(b) Jika pelabur adalah individu—

- (i) individu itu mestilah warganegara Malaysia, pemastautin dan mempunyai punca pendapatan perniagaan;
- (ii) hanya tiga (3) permohonan yang boleh dibenarkan bagi tujuan kelulusan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2016 [P.U.(A) 306/2016];
- (iii) setiap kelulusan hendaklah diberikan berkenaan dengan pelaburan yang dibuat dalam tiga (3) aktiviti yang berbeza bagi perniagaan baharu iaitu pertanian, penjagaan kesihatan atau perindustrian; dan
- (iv) pelaburan hendaklah dibuat dalam SBB yang apa-apa modal berbayarnya tidak dimiliki oleh—
 - (A) suami atau isteri kepada individu itu;
 - (B) abang atau adik lelaki atau kakak atau adik perempuan, kepada individu itu atau kepada suami atau isteri individu itu;

- (C) ibu atau bapa, kepada individu itu atau kepada suami atau isteri individu itu;
- (D) anak, termasuklah anak tiri atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang, kepada individu itu;
- (E) datuk, nenek atau cucu, kepada individu itu atau kepada suami atau isteri individu itu;
- (F) suami atau isteri kepada mana-mana individu yang disebutkan dalam subsubsubperenggan 5(b)(iv)(B); atau
- (G) bapa saudara, emak saudara atau sepupu, kepada individu itu atau kepada suami atau isteri individu itu.

Contoh 1

Rara, pelabur yang diluluskan adalah ibu kepada salah seorang pemegang saham di Halfesto Green Sdn Bhd, sebuah SBB yang diluluskan. Rara membuat pelaburan dalam Halfesto Green Sdn Bhd.

Untuk tujuan insentif cukai atas pelaburan dalam SBB, pelaburan yang dibuat oleh Rara dalam Halfesto Green Sdn Bhd tidak layak mendapat insentif kerana ia merupakan pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan yang salah seorang pemegang sahamnya adalah anak Rara.

- (v) individu yang telah diluluskan insentif di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U.(A) 373/2007], boleh memohon insentif di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2016 [P.U.(A) 306/2016] dengan syarat bahawa pelaburan yang dibuat mestilah dalam aktiviti yang berbeza [seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 5(b)(iii) KU ini] daripada yang telah diluluskan sebelumnya.

Contoh 2

Ramona, seorang jurutera di AEM Moonrise Sdn Bhd, memiliki perniagaan perkhidmatan dobi layan diri dan memperoleh pendapatan perniagaan sejak tahun 2012.

Beliau telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan pada 1.2.2014 untuk melabur RM20,000 di Verdezyne Sdn Bhd, sebuah SBB yang diluluskan dengan aktiviti farmaseutikal, di bawah Kaedah-

Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U.(A) 373/2007].

Pada 2023, beliau bercadang untuk melabur dalam aktiviti yang berlainan daripada kelulusan sebelumnya. Beliau boleh memohon insentif di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2016 [P.U.(A) 306/2016] yang telah dipinda melalui Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) (Pindaan) 2024 [P.U.(A)23/2024] sekiranya aktiviti baharu tergolong di bawah aktiviti yang diluluskan selain daripada penjagaan kesihatan.

- (c) Permohonan untuk membuat pelaburan dalam SBB mesti dikemukakan kepada Menteri Kewangan melalui Bioeconomy Corporation untuk kelulusan pada atau selepas 1.1.2023 tetapi tidak lewat daripada 31.12.2024.

6. Insentif Cukai

- 6.1. Insentif cukai yang diberikan kepada pelabur adalah potongan daripada punca perniagaannya dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan. Potongan yang dibenarkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah suatu amaun yang bersamaan dengan nilai sebenar pelaburan yang dibuat oleh pelabur dalam tempoh asas dalam sebuah syarikat yang diluluskan oleh Menteri Kewangan sebagai SBB.
- 6.2. Pelaburan sedemikian hendaklah dibuat—
 - (a) bagi suatu tempoh tidak lebih awal daripada 1.1.2023 dan tidak lewat daripada 31.12.2024;
 - (b) mengikut amaun yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan
 - (c) hanya untuk tujuan aktiviti pembiayaan pada peringkat permulaan pengkomersilan perniagaan baharu yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 6.3. Pelaburan yang dibuat oleh pelabur yang layak sebelum permulaan perniagaan baharu dianggap berlaku pada tarikh perniagaan baharu bermula sebagaimana yang ditentukan oleh Bioecenomy Corporation.

Contoh 3

CTC Lipido Sdn Bhd (CTCL) ialah anak syarikat milik penuh CTC Corporation Bhd (CTC) dan menjalankan aktiviti pengeluaran komersil bagi lipid berstruktur yang melibatkan enzim dan teknologi penulenan. Penyata kewangan syarikat berakhir setiap 31 Disember. CTCL telah diluluskan sebagai sebuah SBB pada 27.3.2022. CTCL akan menubuhkan sebuah loji enzimatik canggih yang disokong oleh kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia untuk pengeluaran komersil berskala besar bagi lipid berstruktur enzimatik. Tarikh permulaan bagi CTCL menjalankan aktiviti perniagaan layak telah ditetapkan pada 18.8.2023. CTCL akan mengeluarkan invoice jualan pertama pada 2.1.2025.

CTC telah diberi kelulusan oleh Menteri Kewangan untuk melabur sebanyak RM200 juta dalam CTCL di bawah insentif ini. Tempoh masa yang dibenarkan untuk membuat pelaburan ini adalah bagi tahun 2023 dan 2024.

CTC telah membuat pelaburan saham sebanyak 46 juta @ RM1 sesaham kepada CTCL sebagai pelaburan awal untuk membiayai aktiviti layak CTCL dalam tahun 2023 dan saham tambahan sebanyak 154 juta saham @ RM1 sesaham dalam tahun 2024.

CTCL menggunakan modal saham berbayar yang diperolehi untuk—

- (i) penyelidikan, pembangunan, penilaian dan pembangunan keluaran berenzim menggunakan pengubahsuaian enzim dan teknologi penulenan; dan
- (ii) perbelanjaan modal dan modal kerja untuk memulakan pengkomersialan keluaran tersebut.

CTC mempunyai punca pendapatan berikut bagi setiap tahun berakhir 31 Disember:

Perkara	TT 2023 RM	TT 2024 RM
Pendapatan pasaran	300,050,000	560,000,000
Elaun modal	15,000,000	16,500,000

Pengiraan pendapatan berkanun:

Perkara	TT 2023 RM	TT 2024 RM
Pendapatan larasan	300,050,000	560,000,000
Potongan bagi pelaburan dalam SBB	46,000,000	154,000,000
Pendapatan larasan	254,050,000	406,000,000
Elaun modal	15,000,000	16,500,000
Pendapatan berkanun	239,050,000	389,500,000
Cukai kena dibayar @ 24%	57,372,000	93,480,000

Oleh sebab CTCL akan mengeluarkan invois jualan pertama pada 2.1.2025, tuntutan potongan oleh CTC telah ditamatkan pada tarikh tersebut.

- 6.4. Pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar tidak boleh dilupuskan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pelaburan terakhir. Jika terdapat pelupusan dalam tempoh lima (5) tahun, balasan bagi pelupusan syer tersebut akan ditambah dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan pelabur untuk tahun taksiran dalam tempoh asas balasan diterima. Amaun yang ditambah kembali tidak boleh melebihi jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan untuk pelaburan dalam bentuk pegangan modal berbayar.

Contoh 4

Aqbal telah diperakui sebagai pelabur diluluskan oleh Bioeconomy Corporation. Beliau telah melabur 500,000 unit saham @ RM1 sesaham daripada dana persendiriannya dalam sebuah syarikat baharu, Orien Biotech Sdn Bhd pada 1.1.2023. Orien Biotech Sdn Bhd telah diluluskan sebagai SBB oleh Bioeconomy Corporation pada 2.1.2021 dan permohonan pelaburan itu dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Orien Biotech Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

Pada tahun 2025, disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, Aqbal melupuskan sahamnya dalam Orien Biotech Sdn Bhd dengan harga pasaran RM1.50 sesaham.

Pendapatan larasan daripada perniagaan Aqbal:

TT	RM
2023	150,000
2024	300,000
2025	20,000

Pengiraan pendapatan larasan Aqbal:

Perkara	TT 2023 RM	TT 2024 RM	TT 2025 RM
Pendapatan larasan	150,000	300,000	20,000
Tolak: Rugi larasan b/h		(350,000)	(50,000)
Tolak: Pelaburan diluluskan dalam SBB	(500,000)		
Tambah: Jualan pelaburan dalam SBB			500,000*
Pendapatan/(rugi) larasan	(350,000)	(50,000)	470,000

Nota:

- * Hasil daripada penjualan pelaburan dalam SBB
500,000 unit saham x RM1.50 nilai pasaran sesaham = RM750,000.
Jumlah yang akan ditambah kembali terhad kepada RM500,000
(jumlah keseluruhan potongan yang dibenarkan untuk pelaburan).

7. Pemberhentian Insentif Cukai

Insentif cukai yang dibenarkan kepada pelabur di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 2.3(b) KU ini akan terhenti dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran apabila—

- (a) SBB memulakan pengkomersialan aktiviti yang berkenaan dengan pelaburan yang dibuat berdasarkan tarikh invois jualan pertamanya; atau
- (b) amaun pelaburan yang diluluskan telah dituntut sepenuhnya;

yang mana lebih awal.

8. Ketidakkpakaian

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan seperti yang dinyatakan dalam subperenggan 2.3(b) KU ini tidak terpakai kepada pelabur dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran jika pelabur—

- (a) telah membuat pelaburan dalam SBB yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U.(A) 372/2007];
- (b) telah membuat tuntutan bagi elaun di bawah Jadual 7A atau Jadual 7B kepada ACP;
- (c) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (d) telah diberikan pengecualian di bawah seksyen 127 ACP; atau
- (e) telah membuat tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana Kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP kecuali:
 - (i) elaun di bawah Jadual 3 kepada ACP;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U.(A) 129/2006];
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos yang berhubungan dengan Latihan untuk Pekerja bagi Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan) 2014 [P.U.(A) 334/2014]; atau
 - (iv) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan Dan Yuran Pemfailan Cukai 2020 [P.U.(A) 162/2020] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan Dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U.(A) 471/2021].

9. Pembatalan

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U.(A) 373/2007] yang telah dibatalkan hendaklah terus terpakai kepada potongan bagi pelaburan yang telah diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah tersebut seolah-olah Kaedah-Kaedah tersebut tidak dibatalkan.

10. Pengemaskinian dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No.2/2023 bertarikh 4 Oktober 2023. Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:

Perenggan	Penerangan
2	Subperenggan 2.3 dipinda dengan memasukkan subsubperenggan baharu 2.3(d).
5	Subperenggan 5(b)(v) dipinda. Contoh 2 dikemas kini.
	Subperenggan 5(c) dipinda.
6	Subsubperenggan 6.2(a) dipinda. Contoh 3 dan 4 dikemas kini.
8	Subsubperenggan 8(e)(iv) dipinda.

11. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

KU ini perlu dibaca bersama KU No. 1/2020 (Edisi Kedua) bertarikh 22 Mei 2020 mengenai Insentif Cukai untuk Syarikat Berstatus BioNexus yang boleh didapati menerusi www.hasil.gov.my, portal rasmi LHDNM.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**